

HARI : SABTU
TARIKH : 15/2/2020
M/SURAT : 8

RON95, RON97 meningkat dua sen, diesel naik enam sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 naik dua sen kepada RM2.06 seliter, manakala RON97 naik dua sen kepada RM2.36 seliter dan diesel naik enam sen kepada RM2.14 seliter, mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, harga berkenaan ditetapkan secara mingguan menggunakan Mekanisme Penetapan Harga Automatik (APM).

Kenyataan itu menyebut, harga runcit produk petroleum itu adalah bagi tempoh 15 Februari hingga 21 Februari ini.

"Berdasarkan pengiraan formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama sepatutnya masing-masing adalah RM2.06 seliter dan RM2.14 seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu bagi harga runcit RON95 yang berada pada paras RM2.04 dan diesel RM2.08 seliter, tetapi masih di bawah had harga yang ditetapkan iaitu RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel.

"Penetapan harga itu selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

"Namun apabila harga pasaran dunia naik dan demi melindungi pengguna daripada mengalami impak kenaikan harga, harga runcit petroleum akan dikekalkan pada aras tidak melebihi RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter bagi petrol RON95 dan diesel melalui pemberian subsidi," katanya.